


## **Rancangan Asrama Kanak-kanak Yatim Islam Anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam (PERKASA) Terengganu**

Dengan taufik dan inayah Tuhan *Rabb al-'ālamīn*, maka pihak Persatuan Kebajikan Islam (PERKASA) Terengganu, sedang menjalankan ikhtiar dan usaha tenaga suatu rancangan kebajikan. Iaitu mengadakan asrama kanak-kanak yatim Islam di Kuala Terengganu, bertempat di kawasan Bukit Payong Kuala Terengganu, untuk menempatkan kanak-kanak yatim Islam lelaki terutama daripada kanak-kanak yatim Islam di dalam negeri Terengganu.

Perkhidmatan yang besar ini dijalankan ialah sebagai suatu usaha yang bersungguh-sungguh untuk memelihara dan menjaga maruah agama dan menurut contoh tauladan yang telah dijalankan oleh beberapa badan pertubuhan di negeri-negeri yang lain di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura terhadap kepada kanak-kanak yatim Islam. ((PERKASA)) menaruh penuh kepercayaan dan keyakinan, bahawa usaha dan rancangan ini tentulah disambut baik



*Orang-orang kampung sedang makan, selepas bergotong-royong membuat jalan ke kawasan rancangan asrama kanak-kanak yatim Islam Terengganu, anjuran ((PERKASA)), pada 14 September 1962. Di antara yang turut hadir, ialah Şāhib al-Faḍīlah Tuan Mufti Terengganu, Tuan Kadi Kuala Terengganu, dan ahli-ahli jawatankuasa ((PERKASA)).*

oleh segenap lapisan kaum Muslimin di dalam negeri ini dan bermurah hati menghulur derma bantuan sekadar yang terdaya upaya kerana urusan ini satu-satunya perkara agama yang seyogianya kita umat Islam mengambil berat.

Kita umat Islam tidak syak lagi sangat-sangat digalakkan untuk memberi sokongan dan bertimbang rasa kepada kanak-kanak yatim kita yang telah kehilangan tempat tumpuan kasih sayang dan harapan, dan kiranya kita tidak bersama-sama membelanya maka keadaan mereka bertambah buruk dan akibatnya bersama-sama kita menanggung *termas 'ul* di belakang hari kelak.

Kita tentulah berasa sedih kalau menilik perbandingan bagaimana badan atau pertubuhan agama yang lain berlumba-lumba mengambil usaha dan memerah tenaga dan wang untuk perkara yang seumpama ini serta mereka bergerak cergas menjalankan peranan mereka.

Agama Islam menyeru umat-umatnya supaya mengambil berat berkenaan dengan anak-anak yatim. Firman Tuhan di dalam *al-Qur'an al-Karim*: ((*Wa yas'alunaka 'ani yatama qul islahun lahum khayr*)) Maksudnya: ((Dan mereka bertanya engkau berkenaan anak-anak yatim, katakanlah: Mengurus dan memperbaiki hal mereka adalah baik)). Firman-Nya lagi: ((*Ara'ayta alladhi yukadhhibu bi al-din. Fa dhālika alladhi yadu'u al-yatim. Wa la yahuddu 'ala ta'ami al-miskin*)). Maksudnya: ((Adakah engkau ketahui siapakah dia orang yang mendustakan agama itu? Orang itu ialah yang menengking herdik anak-anak yatim, dan tidak menyuruh orang memberi makan fakir miskin)).

Sabda Junjungan *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*: ((*Anā wa kāfilu al-yatimi fi al-jannati hakadhā, wa asharā bi isbu'ayh*)). Pengertiannya: ((Aku dan orang yang memelihara anak yatim adalah bersama-sama di dalam Syurga – seperti ini)), lalu Junjungan menunjuk dengan dua jarinya (yang dirapatkan bersatu).



*Ṣāhib al-Faḍīlah Tuan al-Sayyid Yusuf bin Ali al-Zawawi, Mufti Terengganu, sedang menanam sepokok kelapa, di kawasan rancangan asrama kanak-kanak yatim Islam Terengganu (PERKASA), pada 14 September 1962 yang lalu, menandakan permulaan rancangan itu.*

\* \* \*

Pejabat hal ehwal agama Terengganu di dalam salah satu khutbah yang telah dikeluarkan dan dibaca oleh khatib-khatib masjid di seluruh negeri, yang disusun oleh *Ṣāhib al-Faḍīlah* Tuan al-Sayyid Yusuf al-Zawawi Mufti Terengganu, tatkala menyeru umat Islam mengambil berat berkenaan anak yatim, di antara lain katanya: ((Hendaklah kita ingat bahawa anak-anak yatim dan fakir miskin itu jika tidak kita sebagai

Sambungan pada muka 29

## Rancangan Asrama Kanak-kanak Yatim

### Terengganu

Sambungan dari muka 23

orang-orang yang mengaku beragama Islam berikhtiar mendidik dan memeliharanya nescaya akan disambut oleh musuh-musuh Islam sebagai ikan yang lapar menyambut makanan. Perhatikanlah apa yang sedang berlaku di dalam masyarakat kita sendiri pada hari ini dan hubaya-hubaya daripada akibatnya yang amat buruk jika tidak tiap-tiap seorang Islam menunaikan kewajipan yang terletak atas bahunya.

((Wahai saudara-saudara kaum Muslimin, janganlah kita cuai dan leka daripada menolong dan membantu anak-anak yatim dan fakir miskin yang melarat kerana ini adalah juga tanggungan agama seperti sembahyang, puasa, yang mana perintahnya tidak sunyi Allah Ta'ālā mengulang-ulangkan di dalam Qur'an. Ingatlah kita bahawa anak-anak yatim ialah saudara seagama dengan kita dan menjadi anggota masyarakat Tanah Melayu kita. Kita kelak akan disoal di hadapan Tuhan *Rabb al-Jalīl* terhadap kebajikan mereka di dunia ini)).

Segala kepujian dan kesyukuran kepada Tuhan *Rabb al-Jalīl*, pihak ((PERKASA)) telah pun mendapat sekeping tanah di kawasan Bukit Payong yang seluas lebih kurang tiga ekar suku, kepunyaan seorang *ahl al-khayr* iaitu A. Taib bin Ibrahim dan sebuah rumah limas yang didermakan untuk asrama rancangan ini, dan 26 orang *ahl al-khayr* yang telah sanggup menderma tetap bulanan sekadar yang terdaya oleh mereka untuk tujuan itu. Derma itu sedang dikumpulkan.

Sebuah bangunan baharu yang morden<sup>1</sup> serta dengan alat perkakas yang memakan belanja lebih kurang \$110,000 telah

pun diminta pertolongan daripada Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu (Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj) dan permohonan itu mendapat pandangan yang baik, begitu juga pihak ((PERKASA)) telah pun mengangkat kepada kerajaan negeri Terengganu memohon pemberian tetap tahunan sebanyak \$15,000 kepada rancangan ini. Demikian juga sedang di dalam perhatian Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu sebanyak \$5,000.

Pihak jawatankuasa rancangan ini adalah memohon tuan-tuan dan puan-puan menghulur derma bagi menjayakan rancangan itu.

Haji Muhammad Salih bin Haji Awang  
Pengerusi Jawatankuasa Asrama  
Rumah Anak Yatim.

Pertubuhan Kebajikan Islam (PERKASA) Terengganu,  
pada 19 Rabi' al-Akhir 1382  
18 September 1962.



### BUKU2 BARU

#### BACHAAN TAMBAHAN 1962

<b>Pujangga Amir Hamzah</b>	<b>\$2.20</b>
<b>Raja Bersiong</b>	<b>.45</b>
<b>Si-Pengail</b>	<b>.45</b>
<b>Abu Hasan Ganjil</b>	<b>1.00</b>
<b>Angsa Dan Burong Merak</b>	<b>.45</b>
<b>Rengkasen Sejarah Nabi Muhammad</b>	<b>1.50</b>
<b>Pesan-lah kepada:-</b>	

#### QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore 14.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah moden.